

PERSEPSI SAYYID QUTB TERHADAP INSTITUSI KEGEREJAAN DALAM *THE AMERICA I HAVE SEEN: IN THE SCALE OF HUMAN VALUES*: SATU ANALISIS TEKS

SAYYID QUTB'S PERCEPTION OF CHURCH INSTITUTIONS IN THE AMERICA I HAVE SEEN: THE SCALE OF HUMAN VALUES: A TEXTUAL STUDY

Nur Asyiqin Zohkarnain¹

Firuz Akhtar Lubis²

Zulkarnain Mohamed^{3*}

Md Nor Abdullah⁴

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: pP144762@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: firuz@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: nain@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: monab@ukm.edu.my)

*Corresponding author: nain@ukm.edu.my

Article history

Received date : 7-6-2026

Revised date : 8-6-2026

Accepted date : 15-7-2026

Published date : 23-7-2026

To cite this document:

Zohkarnain, N. A., Lubiz, F. A., Mohamed, Z. & Abdullah, M. D. (2026). Persepsi Sayyid Qutb terhadap institusi kegerejaan dalam *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*: Satu analisis teks. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 676 – 686.

Abstrak: Kajian ini menganalisis persepsi Sayyid Qutb terhadap institusi kegerejaan di Amerika Syarikat sebagaimana tercatat dalam travelog poplarnya, *Amrika Allati Ra'aytu (The America I Have Seen: In the Scale of Human Values)*. Travelog ini dianggap sebagai salah satu travelog yang berpengaruh kerana memaparkan kritikan tajam yang berbeza daripada naratif kembara sezaman yang lazimnya bersifat neutral. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis teks ke atas versi terjemahan travelog tersebut iaitu *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*. Dengan menggunakan Teori Pengecualian sebagai kerangka interpretasi, kajian menemui bahawa gambaran negatif Sayyid Qutb terhadap institusi kegerejaan berfungsi sebagai alat retorik untuk membangkitkan kesedaran sosial dan semangat perjuangan Islam menentang hegemoni nilai Barat pada pertengahan abad ke-20M. Kajian lanjutan dicadangkan supaya menganalisis perbandingan antara teks terjemahan dengan naskhah asal dalam bahasa Arab bagi mengenal pasti kesan penterjemahan terhadap ketepatan makna dan mesej yang disampaikan. Kesimpulannya, travelog Sayyid Qutb bukan sekadar catatan pengembaraan tetapi juga medium ideologikal yang membentuk naratif perlawanan budaya dan agama.

Kata Kunci: Sayyid Qutb; Institusi Kegerejaan; Travelog; Teori Pengecualian; *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*

Abstract: *This study analyses Sayyid Qutb's perceptions of ecclesiastical institutions in the United States as recorded in his well-known travelogue, Amrika Allati Ra'aytu (The America I Have Seen: In the Scale of Human Values). The travelogue is regarded as an influential account because it presents sharp criticism that departs from the typically neutral tone of contemporaneous travel narratives. This qualitative study applies textual analysis to the translated version, The America I Have Seen: In the Scale of Human Values, and adopts Exclusion Theory as its interpretive framework. The findings indicate that Qutb's negative portrayal of ecclesiastical institutions operates as a rhetorical device to awaken social consciousness and to galvanize Islamic resistance against the hegemonic values of the West in the mid-twentieth century. Further research is recommended to conduct a comparative analysis between the translated text and the original Arabic manuscript to identify the effects of translation on the accuracy of meaning and message. In conclusion, Qutb's travelogue functions not merely as a record of travel but as an ideological medium that shapes narratives of cultural and religious resistance.*

Keywords: Sayyid Qutb; Church Institutions; Travelogue; Othering Theory, *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*

Pengenalan

Perbincangan mengenai perspektif keagamaan kekal relevan dalam kajian sosiobudaya kontemporari kerana ia mencerminkan cara masyarakat memahami peranan agama dalam ruang awam. Perspektif ini sering dipengaruhi oleh latar belakang pengarang, sama ada untuk menonjolkan dimensi positif atau menekankan aspek kritikal (Newman, 2002). Dalam konteks ini, Sayyid Qutb tokoh intelektual dan pengembara Arab moden abad ke-20M menawarkan naratif signifikan melalui travelognya, *Amrika Allati Ra'aytu*. Beliau secara konsisten membahaskan perspektif negatif mengenai amalan keagamaan di Amerika Syarikat yang dianggapnya terpesong daripada nilai spiritual yang sebenar (Calvert, 2010).

Analisis terhadap institusi kegerejaan ini dijalankan dengan merujuk sepenuhnya kepada terjemahan bahasa Inggeris bertajuk *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*. Melalui kaca mata Sayyid Qutb, gereja di Amerika Syarikat tidak lagi berfungsi sebagai institusi suci, sebaliknya ia berubah menjadi pusat pembangunan yang menyajikan hiburan serta aktiviti yang merangsang nafsu dan golongan paderi dikritik sebagai lebih cenderung materialistik dalam melaksanakan tanggungjawab mereka (Musallam, 2005). Dominasi perspektif negatif ini menimbulkan persoalan mendalam tentang faktor peribadi, pengalaman dan konteks sejarah yang membentuk pandangan Sayyid Qutb terhadap institusi tersebut (Michelle, 2016; Asiri, 2020).

Untuk menghuraikan fenomena ini, penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kandungan mendalam pada petikan teks yang berkaitan dengan kritikan terhadap kegerejaan sahaja. Analisis data disokong oleh *Othering Theory* (Teori Pengecualian) untuk memahami cara Sayyid Qutb membina sempadan identiti antara Islam dan Barat (Zohkarnain & Lubis, 2021). Secara tuntas, penulisan ini membincangkan kaitan antara latar belakang peribadi Sayyid Qutb, kerangka teori yang diaplikasikan dan hasil dapatan yang menjelaskan kedudukan travelog ini sebagai medium perjuangan ideologi pada zamannya.

Identiti Sayyid Qutb

Sayyid Qutb Ibrahim Husain Syazili merupakan sasterawan Islam moden Timur Tengah (Yaacob, 2007). Beliau terkenal dengan ideologinya yang hebat khususnya dalam hal berkaitan keagamaan Islam. Menurut al-Khalidi (1985), Sayyid Qutb banyak menyertai gerakan politik Islam seperti Ikhwanul Muslimin sebagai medium penentangan terhadap sistem pentadbiran Mesir yang bercirikan Barat semata. Lalu, beliau melakukan gerakan reformasi radikal bagi membendung Mesir ke arah kecenderungan Islami (Al Lawati, 2023).

Perubahan paling ketara dalam identiti intelektual Qutb berlaku selepas pengalamannya tinggal sementara di Amerika Syarikat (Abdel-Malek, 2000). Perjalanan dan pemerhatiannya di sana tercatat dalam travelog *Amrika allati ra'aytu* (atau *The America I Have Seen: In The Scale of Human Values*) yang menjadi sumber penting bagi pembentukan pandangan kritikalnya terhadap budaya Barat (Calvert, 2010). Pengembaraan ini, digabungkan dengan keterlibatannya bersama Ikhwanul Muslimin, menjejaskan orientasi pemikirannya daripada fokus sastra dan pendidikan kepada penekanan terhadap transformasi sosial-politik berasaskan agama (Sabaseviciute, 2018; Musallam, 2005).

Menurut Amin (2014), travelog merupakan sebuah catatan kembara seorang pengembara ketika mengamati keadaan sesuatu masyarakat sama ada dari sudut sosial, kebudayaan dan juga perihal keagamaan. Catatan sedemikian wajar dikaji dengan meneliti bagaimana latar belakang dan cara fikir pengembara mempengaruhi naratif mereka serta pemahaman tentang dunia sekeliling (Ibn Fadlan, 2009; Mohammed-Marzouk, 2012). Travelog Sayyid Qutb turut banyak menceritakan berkenaan institusi kegerejaan di Amerika Syarikat yang ditulis pada tahun 1951. Secara tipologinya, karya ini diklasifikasikan dalam genre kritikan sosial kerana kecenderungannya memaparkan naratif negatif terhadap persekitaran gereja yang dianggap terlalu didominasi oleh unsur materialistik sehingga meminggirkan nilai kerohanian yang hakiki (Nasser, 2000). Hal ini mencerminkan bagaimana pengembara Muslim mencari ilmu melalui pengalaman langsung dan mencatatnya sebagai sebahagian daripada teori rihlah (Mohammed, 2011). Melalui kritikan yang tajam ini, Sayyid Qutb secara tidak langsung mengajak pembaca untuk menilai semula kepentingan memelihara aspek spiritual sebagai teras dalam mencapai kesejahteraan hidup yang lebih bermakna.

Transformasi identiti intelektual Sayyid Qutb daripada sasterawan ke pendukung ideologi politik beragama berlaku melalui proses pengalaman peribadi, analisis teks agama dan keterlibatan praktikal dalam gerakan pembaharuan Islam. Dalam penjara dan sewaktu menghadapi penindasan politik pada 1950-an dan 1960-an, beliau menghasilkan karya-karya teologi dan politik yang lebih radikal seperti *Ma'ālim fī al-Ṭarīq* yang mengukuhkan imejnya sebagai tokoh yang menuntut perubahan radikal berasaskan dasar agama (Musallam, 2005; Calvert, 2010). Keseluruhan profil ini menerangkan mengapa tulisan-tulisan beliau termasuk kritikan terhadap institusi kegerejaan di Amerika memikul muatan ideologi yang kuat serta resonan dalam sejarah pemikiran Islam moden (Ghamari-Tabrizi, 2004).

Kerangka Teori Pengecualian

Teori pengecualian merupakan cetusan idea daripada Simone De Beauvoir. Teori ini dikenali sebagai teori *othering* atau teori pengecualian. Teori Pengecualian merupakan sebuah teori yang melibatkan perbezaan dialog yang berlaku dalam sebuah karya *Master-Slave* karangan Hegel. Perbezaan taraf antara kedua watak tersebut membuatkan proses pengecualian ini tercetus (Brons, 2015).

Thompson (2011) dalam bukunya, *Travel Writing*, menjelaskan teori ini merupakan proses bagi menentukan keunggulan identiti diri *the self* terhadap *the other*. Bersesuaian dengan komponen utama teori ini yang melibatkan antara perbezaan *the self* dan *the other*. Namun perkara asas yang diukur dalam pembentukan teori ini adalah dari aspek identiti diri dalam *the self*, biografi penulis dan kesan terhadap pembacaan. Sekiranya diteliti jenis pengecualian ini terbentuk melalui dua jenis yang berbeza. Pertama jenis pengecualian tersurat dan keduanya jenis pengecualian tersirat dan setiap satu mempunyai penggunaannya tersendiri. Jika pengecualian tersurat terdiri daripada bentuk Pengecualian Tersurat Secara Kasar atau Pengecualian Kasar (PK). Manakala bagi Pengecualian Tersirat pula ialah Pengecualian Tersirat Tidak Kasar (PTK) dan Pengecualian Tersirat Dirinya Sebagai Contoh (PTDC). Dapat disimpulkan, kritikan dan sindiran Sayyid Qutb terhadap keagamaan Amerika Syarikat terjadi atas faktor, beliau sendiri merasakan bahawa kalangan yang lain tidak boleh meniru keagamaannya yang syumul dan mulia. Maka berlatar belakang identiti dirinya membuatkan beliau bertindak kasar dengan menyindir dan mengkritik gereja dan paderi di Amerika Syarikat.

Dapatan dan Perbincangan

Perspektif terhadap Institusi Kegerejaan di Amerika Syarikat

Perspektif lazimnya mempunyai dua bentuk utama iaitu perspektif berbentuk positif dan negatif. Di sudut negatif perspektif tersebut perlu berbentuk sindiran terhadap sesuatu. Manakala dari sudut positif pula merupakan perspektif yang memberi pujian terhadap sesuatu (Rao, 2020). Namun dalam travelog Sayyid Qutb ini perspektif berbentuk negatif menjadi pendekatan utama ketika membahaskan institusi kegerejaan. Perspektif negatif yang paling menonjol ialah perspektif terhadap gereja dan paderi di Amerika Syarikat. Perspektif ini merupakan hasil pengalamannya ketika menetap dua tahun di Amerika Syarikat pada pertengahan abad ke-20M.

Perspektif pertama yang difokuskan adalah dari sudut fungsi gereja. Melalui travelog ini, Sayyid Qutb dalam travelognya menyatakan gereja berperanan penting sebagai pusat hiburan masyarakat Amerika Syarikat pertengahan abad ke-20M. Hal ini dibuktikan melalui petikannya seperti di bawah:

Each church races to advertise itself with lit, colored signs on the doors and walls to attract attention, and by presenting delightful programs to attract the people much in the same way as merchants or showmen or actors. And there is no compunction about using the most beautiful and graceful girls of the town, and engaging them in song and dance, and advertising (Qutb, 1951).

Petikan di atas menerangkan gereja dihiasi dengan pelbagai hiburan yang dapat menarik pengunjung untuk terus hadir ke gereja. Perspektif negatif yang ditonjolkan adalah melalui penggunaan gadis yang cantik dan melibatkan mereka dengan aktiviti tarian, nyanyian dan turut mempromosikan diri mereka dengan pakaian yang ketat. Di sudut ini Sayyid Qutb ingin menyatakan kritikan bahawa gereja di Amerika Syarikat tidak lagi mementingkan nilai kerohanian, bahkan lebih bersifat keduniaan sahaja. Konsep hiburan ini seolah-olah menyamai konsep pemasaran perniagaan. Konsep ini digunakan bagi mendapatkan pelanggan yang ramai (Kotler & Armstrong, 2008). Situasi ini bersinonim dengan pihak gereja yang menginginkan populariti sehingga sanggup menggunakan taktik terselindung tersebut bagi menarik kedatangan pengunjung ke gereja.

Petikan di atas jelas menonjolkan kecenderungan radikal Sayyid Qutb terhadap aspek-aspek tertentu dalam agama. Sikap ini selaras dengan latar belakang politiknya sebagai anggota majlis tertinggi gerakan politik Islam. Oleh itu, penulisan beliau tentang Barat kerap dibaca dalam nada kontra. Dalam konteks ini, Teori Pengecualian Tersirat Tidak Terlalu Kritikal (PTK) sesuai digunakan untuk menerangkan strategi retorik beliau. PTK merujuk kepada pengecualian tersirat yang membolehkan pembaca memahami maksud sindiran atau kritikan yang tidak dinyatakan secara langsung, terutamanya apabila isu tersebut berkait rapat dengan identiti pengarang. Kedudukan institusi dan peranan politik Sayyid Qutb memberi beliau ruang autoritatif untuk melontarkan kritikan terhadap *the other* sehingga tindakan itu tidak dilihat sebagai penghalang kepada penyampaian mesejnya. Namun ini semua adalah kritiknya terhadap fungsi gereja di Amerika Syarikat sahaja. Bagaimana pula yang berlaku terhadap kegiatan gereja? Adakah Sayyid Qutb masih berkonotasi negatif? Perkara ini bakal terjawab dalam analisis kedua kajian iaitu mengenai kegiatan gereja.

Analisis kritikan keagamaan seterusnya ialah kritikan terhadap kegiatan gereja. Sayyid Qutb menyatakan gereja dipenuhi dengan aktiviti liar yang bersinonim dengan pesta liar yang mengasyikkan. Antara kritikan yang digambarkan dalam travelog ini ialah:

And they danced to the tunes of the gramophone, and the dance floor was replete with tapping feet, enticing legs, arms wrapped around waists, lips pressed to lips, and chests pressed to chests. The atmosphere was full of desire (Qutb, 1951).

Petikan di atas menggambarkan Sayyid Qutb melihat aktiviti gereja mampu membangkitkan rangsangan nafsu contohnya perbuatan seperti berciuman dan berpelukan. Dalam petikan di atas, Sayyid Qutb menegaskan nada melodi memainkan peranan penting. Gelombang bunyi daripada melodi berpotensi mempengaruhi keadaan emosi dan fisiologi pendengar, sekali gus meningkatkan kecenderungan kepada tingkah laku tidak bermoral. Kajian pedagogi yang dirujuk oleh DePorter et al. (2001) dalam buku, *Quantum Teaching* menunjukkan gerakan refleks pada tubuh sering terangsang oleh rangsangan bunyi kerana gelombang bunyi boleh merangsang tindak balas otak yang berkaitan dengan emosi dan pergerakan. Di peringkat praktikal, pergerakan anggota seperti tangan, kaki, bibir dan dada memang boleh memperkukuh keadaan terangsang. Oleh itu, tidak mustahil melodi yang berunsur ghairah daripada gramafon memberi isyarat rangsangan yang mendorong penduduk gereja menari dengan intensiti tinggi.

Petikan kritikan di atas menunjukkan Sayyid Qutb memahami budaya Barat yang bercirikan gaya hidup bebas berdasarkan pemerhatian dan pengalamannya semasa tinggal di negara-negara Barat. Kritikan beliau terhadap kegiatan gereja bersifat tersurat dan primitif; pendekatan ini sesuai dijelaskan melalui Teori Pengecualian Kasar (PK) iaitu bentuk pengecualian yang dinyatakan secara langsung tanpa keperluan analisis mendalam terhadap maknanya. Dengan latar pengalaman dan pengetahuan langsung tentang *the other*, Sayyid Qutb menilai kegiatan gereja dari perspektif yang tegas dan langsung sehingga membolehkan beliau mengeluarkan hujah bersifat primitif tentang amalan dan suasana dalam gereja. Namun, penting ditegaskan bahawa ini hanyalah perspektif beliau terhadap institusi gereja sahaja. Bagaimana pula dari sudut paderi? Adakah tetap sama? Justeru itu, persoalan ini dijawab dalam analisis ketiga kajian berkenaan perwatakan paderi di gereja Amerika Syarikat.

Selain gereja, dilihat paderi juga diandaikan dengan kritikan berbentuk negatif. Kritikan tersebut menjurus kepada perwatakan dan personaliti paderi di gereja. Sayyid Qutb mengkritik paderi di Amerika Syarikat tidak layak untuk dicontohi dan dipandang tinggi. Ini dibuktikan melalui ayat:

While Success comes first and before everything, and the means are not important, and this success will reflect on him with fine results: money and stature. The more people that join his church, the greater is his income (Qutb, 1951).

Melalui petikan di atas, Sayyid Qutb mengkritik mengenai perwatakan paderi di gereja yang merupakan seorang materialistik. Sayyid Qutb memberi gambaran melalui petikan di atas bahawa mereka terlalu taksub mengejar kemewahan bagi mendapatkan kekuasaan pangkat. Sepatutnya paderi perlu menerapkan sifat-sifat yang mulia. Dalam kajian Taylor (1984) bertajuk, *Careers in the Church* menyatakan paderi juga berperanan penting dalam aspek pengibadatan dan penyebaran agama Kristian di Amerika Syarikat. Melalui kenyataan di atas, paderi yang dibincangkan dalam petikan Sayyid Qutb sangat bertentangan dengan perwatakannya. Hal ini kerana didapati mereka bersifat materialistik yang inginkan keduniaan sahaja. Situasi ini jelas ditonjolkan dalam ayat, ‘semakin banyak orang yang bergabung dengan gerejanya, semakin besar pendapatannya’. Namun gambaran Sayyid Qutb terhadap paderi disebabkan beliau merupakan seorang yang zuhud yang hanya mementingkan keagamaan Islam semata. Lantas beliau tidak akan menghiraukan agama yang lain yang dirasakan tiada keunikannya.

Petikan ini menggambarkan kritikan Sayyid Qutb terhadap perwatakan paderi yang digambarkannya sebagai materialistik dan terlalu mengejar kemewahan untuk memperoleh kuasa dan pangkat. Gambaran itu terserlah dalam kenyataan seperti: ‘semakin banyak orang yang bergabung dengan gerejanya, semakin besar pendapatannya’, yang menegaskan hubungan yang dilihatnya antara pertambahan jemaah dan keuntungan duniawi paderi. Secara normatif, peranan paderi merangkumi pengibadatan, bimbingan rohani dan penyebaran ajaran agama sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian Taylor (1984), iaitu *Careers in the Church*. Oleh itu, watak materialistik yang diuraikan oleh Sayyid Qutb jelas bercanggah dengan ideal tugas keimaman tersebut. Namun, penilaian Sayyid Qutb dipengaruhi oleh tafsiran peribadi dan kecenderungan zuhudnya yang menekankan hidup sederhana dan keutamaan pengamalan agama Islam sehingga beliau cenderung menilai tingkah laku paderi berdasarkan standard nilai yang berbeza.

Untuk tujuan analisis yang lebih seimbang, penting membezakan antara kritikan terhadap tingkah laku individu paderi dan penilaian terhadap struktur institusi gereja. Faktor sosioekonomi, tekanan institusi dan dinamika organisasi boleh menjelaskan sebahagian tingkah laku yang dilihat sebagai materialistik (Peek, 2003). Oleh itu, kajian seterusnya perlu menilai sama ada gambaran Sayyid Qutb merekodkan kecenderungan umum atau merupakan tafsiran yang dipengaruhi oleh lensa ideologi beliau serta meneliti bukti empirik yang menyokong atau menolak tuduhan tersebut.

Berdasarkan analogi tersebut, pendekatan yang sesuai ialah Teori Pengecualian Tersirat Menjadikan Diri Sebagai Contoh Tauladan (PTDC). Teori ini menekankan bahawa kedudukan dan kredibiliti diri (*the self*) menjadi rujukan utama dalam menilai yang lain. Apabila seseorang dianggap sebagai ilmuwan atau tokoh yang dihormati, kenyataannya cenderung diterima dan

kurang dipersoal. Dengan kata lain, kelebihan atau autoriti diri dijadikan asas untuk mengandaikan atau mensabitkan sifat kepada kelompok lain tanpa perlu pembuktian lanjut.

Dalam konteks Sayyid Qutb, status beliau sebagai ilmuwan sastera dan figura intelektual memberi beliau kedudukan autoritatif yang membolehkan kenyataan-kenyataannya dilihat sebagai munasabah oleh sesetengah pembaca. Keadaan ini memudahkan beliau membuat generalisasi atau penghakiman terhadap *the other*, termasuk institusi dan aktiviti keagamaan di Amerika Syarikat. Walaupun analisis setakat ini menunjukkan kecenderungan negatif dalam kritikan Sayyid Qutb terhadap keagamaan Amerika, sama ada beliau sama sekali menutup ruang untuk penilaian positif bergantung pada temuan analisis terakhir mengenai peranan paderi. Penilaian akhir perlu mempertimbangkan sama ada pengaruh status autoritatif (PTDC) lebih dominan berbanding faktor pengalaman dan ideologi peribadi beliau.

Sekiranya diteliti, Sayyid Qutb banyak menonjolkan gambaran bahawasanya paderi sebenarnya sangat berpengaruh untuk mencetuskan aktiviti-aktiviti hedonisme untuk terus berlaku di dalam gereja. Ini dibuktikan melalui petikan seperti di bawah:

...and the Father chose. He chose a famous American song called "But Baby, It's Cold Outside," which is composed of a dialogue between a boy and a girl returning from their evening date. The boy took the girl to his home and kept her from leaving. She entreated him to let her return home, for it was getting late, and her mother was waiting but every time she would make an excuse, he would reply to her with this line: but baby, it's cold outside! And the minister waited until he saw people stepping to the rhythm of this moving song, and he seemed satisfied and contented. He left the dance floor for his home, leaving the men and the women to enjoy this night in all its pleasure and innocence! (Qutb, 1951).

Merujuk petikan di atas Sayyid Qutb menyatakan gambaran paderi di gereja terlibat secara langsung dalam menjadikan suasana di gereja dipenuhi dengan aktiviti yang menghairahkan nafsu syahwat semata. Ini terhasil disebabkan paderi telah memilih lagu berkonteks keghairahan untuk diperdengarkan kepada pengunjung gereja. Lagu yang menjadi pilihannya bertajuk, *but baby it's cold outside*.

Sememangnya lagu jenis ini mampu merangsang nafsu. Ini disebabkan rima lagu tersebut terkandung nilai-nilai negatif yang menghairahkan nafsu seseorang. Sehingga terdorong untuk melakukan maksiat dalam gereja. Namun pemikirannya ini hanya menggambarkan dirinya merupakan seorang yang kuat agama dan sentiasa dihormati dalam masyarakat Islam. Justeru itu, segala penulisan ideanya terkandung nilai-nilai kritikan semata. Disebabkan ini, beliau bersifat *rigid* dalam penulisannya. Dari sudut teori, tafsiran ini selari dengan Pengecualian Tersirat Tidak Terlalu Kritikal (PTK) dengan kritikan dibuat secara tersirat dan dibaca melalui lensa identiti pengarang. Kedudukan Qutb sebagai tokoh berautoriti dalam kalangan tertentu dan sikap zuhudnya menjadikan beliau cenderung menilai fenomena budaya Barat dengan piawaian moral yang ketat. Demikian, apa saja unsur yang dianggap bercanggah dengan nilai keagamaan akan diberi interpretasi negatif dan dibentangkan secara tegas dalam penulisannya. Sikap sebegini menjadikan karyanya tampak *rigid*.

Dapatan Kajian

Berdasarkan penelitian kajian, travelog Sayyid Qutb, *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*, Sayyid Qutb sarat dengan nada sindiran dan kritikan yang tertumpu kepada aspek keagamaan dalam masyarakat Amerika Syarikat. Gaya penulisan beliau menggambarkan seorang pengarang yang kritis dan konsisten mengekalkan identiti sebagai seorang Islamis yang memperjuangkan nilai-nilai Islam walaupun berdepan tekanan dan tentangan dari pihak Barat.

Kritikan Sayyid Qutb boleh difahami dalam konteks kedudukan sosial dan latar pengalamannya. Beliau dilihat sebagai figura berautoriti yang dihormati, sekali gus mempunyai keberanian untuk menyuarakan penilaian negatif terhadap amalan budaya yang dianggap bercanggah dengan norma Islam. Selain itu, kecenderungan zuhud dan pegangan teguh kepada prinsip syariah menjadikan beliau kurang menerima nilai baik yang mungkin wujud dalam agama lain, lalu menempatkan dirinya dalam posisi yang lebih tegas dan selektif dalam penilaian. Menurut persepsi beliau, umat Islam harus berjuang termasuk melalui karya intelektual dan ideologi untuk membangkitkan kembali kedudukan Islam. Dalam kerangka ini, tulisan-tulisan bercetak seperti travelog, kitab dan artikel pada abad ke-20M berfungsi sebagai medium strategik untuk menyebarkan semangat perjuangan dan menentang pengaruh Barat yang dilihat merosakkan.

Pendekatan teori pengecualian memberi kerangka kepada tafsiran ini. Apabila seseorang individu mempunyai status, ilmu dan pengalaman yang diiktiraf, kenyataannya cenderung diberi legitimasi dan kritikan yang dilontarkan boleh diterima sebagai wajar oleh kelompok tertentu. Identiti dan autoriti Sayyid Qutb menjadikan beliau berhak menurut perspektifnya sendiri untuk menggunakan sindiran dan kritikan dalam travelognya. Kesimpulannya, latar identiti dan kedudukan Qutb memberi asas retorik kepada penulisan kritikalnya terhadap kebudayaan keagamaan Amerika. Penilaian akhir mengenai kebolehpercayaan dan keseimbangan kritikan tersebut memerlukan analisis lanjut yang menilai bukti empirik, konteks persembahan dan kemungkinan bias ideologi pengarang.

Cadangan Kajian

Secara umumnya, aspek kepelbagaian agama lazimnya ditinjau melalui dua perspektif utama, iaitu sudut positif dan negatif. Dari lensa positif, kepelbagaian dilihat sebagai instrumen untuk memupuk toleransi dalam kehidupan bermasyarakat. Sebaliknya, perspektif negatif pula cenderung mendorong individu berfikir secara primitif, yang sering kali berpunca daripada sikap fanatisme. Keadaan ini berlaku apabila seseorang berasa bimbang terhadap kehadiran agama lain yang dianggap tidak benar sehingga dirasakan mampu mengancam atau mempengaruhi kepercayaan asal mereka (Siraj, 2020).

Kecenderungan yang sama dikesan dalam karya Sayyid Qutb bertajuk, *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*. Penelitian mendapati karya ini lebih banyak menonjolkan kritikan negatif berbanding positif terhadap masyarakat Amerika Syarikat khususnya dalam aspek keagamaan. Oleh itu, kajian ini menganalisis secara mendalam rangkaian kritikan negatif tersebut dengan memfokuskan kepada institusi gereja dan peranan paderi mengikut konteks pertengahan abad ke-20M. Analisis terhadap gereja ditumpukan kepada keadaan fizikal dan aktiviti yang dijalankan, manakala aspek paderi pula menjurus kepada personaliti dan peranan sosial mereka. Penulisan ini dapat memberi iktibar kepada pembaca agar sentiasa kritis dalam menilai ketepatan sumber, terutama yang melibatkan kritikan negatif dalam karya sastera kerana setiap kritikan pasti mempunyai makna tersirat yang perlu dirungkaikan.

Dalam bidang penyelidikan kesusasteraan, karya sastera kembara menawarkan ruang eksplorasi yang luas bagi para penyelidik. Namun, pemerhatian menunjukkan bahawa travelog Sayyid Qutb mengenai pengalamannya di Amerika Syarikat masih belum diterokai secara menyeluruh dalam dunia akademik. Justeru, pengkaji berpendapat kritikan negatif beliau terhadap masyarakat Amerika merupakan isu yang signifikan untuk dikaji. Cadangan kajian lanjutan boleh merangkumi aspek kebudayaan, kesenian, gaya pemakaian dan sosiologi masyarakat. Penulisan yang lebih mendalam sangat diperlukan memandangkan sastera kembara nukilan Sayyid Qutb sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan yang boleh dijadikan pengajaran kepada umat Islam. Karya ini juga merupakan teks kontemporari yang relevan untuk dikaji dalam pelbagai disiplin ilmu seperti linguistik, sosio-politik, sosiologi dan antropologi masyarakat Amerika Syarikat.

Kesimpulan

Penulisan ini membincangkan kecenderungan kritikal Sayyid Qutb terhadap aspek keagamaan dalam travelognya, *The America I Have Seen: In the Scale of Human Values*. Analisis teks menunjukkan penulisan Qutb lebih banyak memuatkan sindiran dan kritikan negatif terhadap institusi gereja dan perwatakan paderi dalam konteks pertengahan abad ke-20M di Amerika Syarikat. Pendekatan teoritikal terutamanya PTK, PK dan PTDC membantu menjelaskan variasi bentuk kritikan yang digunakan: dari sindiran tersirat kepada serangan tersurat dan generalisasi berasaskan autoriti diri pengarang. Secara empirikal, kajian mendapati tiga unsur utama dalam penulisan Sayyid Qutb, iaitu: (1) kritik terhadap fungsi institusi gereja yang dikaitkan dengan unsur budaya yang dianggap merosakkan; (2) gambaran negatif terhadap paderi sebagai figura materialistik; dan (3) retorik yang dipengaruhi oleh identiti pengarang sebagai intelektual Islam yang berautoriti dan bersikap zuhud. Kombinasi pengalaman Sayyid Qutb dan kedudukan sosialnya menjadikan tulisannya cenderung menafsirkan fenomena budaya Barat melalui lensa ideologi Islam yang tegas.

Dari sudut teori, kajian ini menegaskan bahawa pengecualian (*othering*) sama ada tersirat atau tersurat bukan sekadar strategi retorik, tetapi juga mekanisme untuk meneguhkan identiti diri dan mengartikulasikan agenda ideologi. Sayyid Qutb memanfaatkan autoriti intelektualnya untuk memberi legitimasi kepada kritiknya sekali gus membentuk pembacaan pembaca yang sehaluan dengannya. Kepentingan kajian ini terletak pada sumbangannya kepada kajian sastera kembara dan wacana agama: ia membuka ruang perbincangan interdisiplin mengenai bagaimana teks perjalanan menjadi medan persengketaan nilai, identiti dan kuasa retorik. Kajian ini juga menegaskan keperluan metodologi untuk mengambil kira latar belakang pengarang, nuansa terjemahan dan kesan bias ideologi dalam proses analisis teks sejarah. Kajian juga menghadapi had tertentu: fokus terhad kepada petikan terpilih dalam travelog terjemahan dan kebergantungan kepada interpretasi penulis kajian tanpa data lapangan daripada pihak gereja atau paderi. Isu terjemahan dan variasi edisi turut boleh mempengaruhi tafsiran. Kesimpulannya, travelog Qutb berfungsi bukan sahaja sebagai catatan pengalaman, tetapi juga sebagai teks ideologi yang memperlihatkan konflik nilai antara *self* dan *other*. Pembacaan kritikal terhadap teks ini dapat membantu memahami dinamika penghargaan, penolakan dan pembentukan identiti agama dalam konteks pertembungan budaya.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Geran Universiti Penyelidikan (GUP) dengan nombor kod GUP-2025-019 di bawah projek bertajuk, 'Model Biblioterapi AI-Sastera Islami untuk Kesihatan Emosi Remaja Perempuan Muslim'.

Rujukan

- Abdel-Malek, K. (2000). "The America I Have Seen": In the Scale of Human Values (1951). Dlm. Abdel-Malek, K. (pnyt.). *America in An Arab Mirror, Images of America in Arabic Travel Literature: An Anthology*, hlm. 9-27. New York: Palgrave Macmillan.
- Al Lawati, M. (2023). Sayyid Qutb's 'The America I Have Seen'. *The Material Merge*, 1(1), 33-37.
- Asiri, M. F. (2020). A Saudi representation of America and the Americans an imagological study of Ghazi Al-Gosaibi's works. Disertasi Doktor Falsafah. University of Exeter.
- Brons, L. (2015). Othering, an analysis. *Journal of Global Studies*, 6(1), 69-90.
- Calvert, J. (2010). *Sayyid Qutb and the Origins of Radical Islamism*. New York: Columbia University Press.
- DePorter, B., Reason, M. & Singer-Nourie, S. (2001). *Quantum Teaching: Mempraktikkan Quantum Learning di Ruang-ruang Kelas*. Terj. Bandung: Kaifa.
- Ghamari-Tabrizi, B. (2004). Loving America and longing for home: Isma'il al-Faruqi and the emergence of the Muslim diaspora in North America. *International Migration*, 42(2), 61-86.
- Ibn Fadlan, A. (2009). *Ibn Fadlan's Journey to Russia: A Tenth-century Traveler from Baghdad to the Volga River*. Terj. Richard, N. F. Princeton: Markus Wiener Publishers.
- al-Khalidi, S. A. F. (1985). *al-Harb al-Amrikiyyah bi Manzar Sayyid Qutb*. 'Amman: Dar al-'Ulum.
- Kotler, P. & Armstrong, G. (2008). *Prinsip-prinsip Pemasaran Edisi ke-12*. Terj. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Lubis, F. A. & Zohkarnain, N. A. (2021). Persepsi Sayyid Qutb terhadap paderi di Amerika Syarikat dalam travelognya *Amerika Allati Ra'aytu*. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 43(1), 173-184.
- Michelle, H. (2016). The journey by Radwa Ashour. *Comparative American Studies An International Journal*, 13(4), 1-11.
- Mohammed, M. R. (2011). Al Rihlah and curriculum theory: A qualitative comparative study of contemporary and historical Muslim travellers in search of knowledge. Disertasi Doktor Falsafah. Texas A&M University.
- Mohammed-Marzouk, M.R. (2012). Knowledge, culture, and positionality: Analysis of three medieval Muslim travel accounts. *Cross-Cultural Communication*, 8(6): 1-10.
- Musallam, A. A. (2005). *From Secularism to Jihad: Sayyid Qutb and the Foundations of Radical*. Westport: Praeger.
- Nasser. (2000). Travel literature of Moroccan pilgrims during the 11-12th /17-18th centuries: Thematic and artistic study. Disertasi Doktor Falsafah. Department of Arabic and Middle Eastern Studies, University of Leeds.
- Newman, D. (2002). Myths and realities in Muslim alterist discourse: Arab travellers in Europe in the age of the nahda (19th c.). *Chronos*, 6, 7-76.
- Peek, L. A. (2003). Reactions and response: Muslim students' experiences on New York City campuses post 9/11. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 23(2), 272-283.
- Qutb, S. (1951). *The America that I have Seen: In the Scale of Human Values*. Cairo: Kashf al Shubuh Publications.
- Rao, V. C. S. (2020). A brief study of criticism and its forms. *Journal for Research Scholars and Profesionals of English Language Teaching*, 17(4), 1-10.
- Sabaseviciute, G. (2018). Sayyid Qutb and the crisis of culture in late 1940s Egypt. *International Journal of Middle East Studies*, 50(1), 85-101.
- Siraj, H. H. (2020). Belajar menghargai kepelbagaian. *Sinar Harian*, 23 Mac.
- Taylor, J. (1984). *Careers in the Church*. London: Kogan Page Ltd.

Thompson, C. (2011). *Travel Writing*. Abingdom: Routledge.

Yaacob, A. (2006). Mafhum al-adab al-Islami fi al-‘asr al-hadith bayn al-udaba’ al-‘Arab wa al-Malayuyin: Dirasah muqaranah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.